

Usaha 7 tahun hasil produk sains terbayar

Kuala Lumpur: Penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Dr Soon Chin Fhong berkata penat-lelah selama tujuh tahun menghasilkan inovasi produk sains terbayar apabila dia dianugerahi Grand Final Double Gold Award pada The British Invention Show (BIS) bulan lalu.

Soon berkata, penganugerahan itu adalah satu perangsang untuk dia terus berusaha menghasilkan inovasi sains yang lebih besar untuk pembelajaran pelajar di universiti terbabit dan masyarakat.

“Sudah tentu saya dan kawan-kawan sangat berbesar hati dengan pengiktirafan ini. Sejak 2008 saya bertungkus-lumus di makmal untuk mencipta struktur sel 3-dimensi (3D) itu untuk tujuan perubatan dan sains. Tak sangka inovasi ini akhirnya diiktiraf di peringkat antarabangsa.

“Bagi saya ini hanyalah permulaan sebab sebagai penyelidik dan pendidik tanggungjawab saya tidak berhenti di sini. Lebih ba-

nyak yang perlu saya lakukan untuk perkembangan sains perubatan negara ini,” katanya.

Penyelidikan dan ciptaan Soon iaitu mesin penyalut sel 3D yang dinamakan Novel Squeegee Coater and Liquid Crystal Substance for Producing 3D Cell Culture adalah inovasi yang dapat membantu dalam perubatan penyakit kanser.

Pada pertandingan BIS yang berlangsung di London, United Kingdom pada 22 hingga 25 Oktober lalu, produk ciptaan Soon mendapat anugerah tertinggi iaitu Double Gold Award dan Gold Medal bagi kategori inovasi industri di antara 130 produk yang bertanding daripada seluruh dunia.

Turut meraih kejayaan sama adalah dua lagi rakan penyelidikannya daripada UTHM, Profesor Madya Dr Zawati Harun dan Profesor Madya Dr Norzila Othman dengan inovasi masing-masing dalam kategori produk hijau (natural earth).